

AD HOMINEM: SENJATA RETORIK YANG MENGELIRUKAN

Ros Aiza Mohd Mokhtar,ⁱ Anita Ismailⁱⁱ & Abd Hakim Mohadⁱⁱⁱ

ⁱ (Penulis Koresponden). Penarah, Universiti sains Islam Malaysia. rosaiza@usim.edu.my

ⁱⁱ Penarah, Universiti sains Islam Malaysia. anitaismail@usim.edu.my

ⁱⁱⁱ Penarah, Universiti sains Islam Malaysia. abdhakim@usim.edu.my

Abstrak

Dalam era digital dan perkembangan pesat media sosial masa kini, masyarakat sering terdedah kepada pelbagai bentuk maklumat, pandangan, dan hujah yang tersebar dengan pantas. Namun, tidak semua hujah yang dikemukakan adalah berasaskan logik yang kukuh. Kesilapan dalam cara berfikir atau penaakulan ini dikenali sebagai falasi. Falasi, yang berasal dari perkataan Latin 'fallo' atau Yunani 'fallacia' bermaksud 'saya menipu' atau 'sesat berfikir', merujuk kepada hujah yang kelihatan meyakinkan tetapi sebenarnya cacat dari segi logik. Salah satu jenis falasi yang lazim dan berbahaya dalam wacana awam, terutamanya di media sosial, ialah falasi ad hominem. Justeru itu, kertas kerja ini akan menghuraikan definisi falasi ad hominem, jenis-jenisnya, contoh-contoh dalam konteks masyarakat Malaysia, serta kesan-kesannya terhadap perpaduan, di samping mencadangkan cara mengatasinya. Kajian ini merupakan kajian kualitatif iaitu kajian kepustakaan. Data pula dianalisis secara deskriptif interpretif. Kajian mendapati falasi ad hominem berlaku dalam masyarakat dan perlu dikenalpasti bagi mengurangkan perselisihan faham dalam masyarakat.

Kata kunci: ad hominem, falasi, logik, falsafah, pemikiran kritis.

PENDAHULUAN

Falasi ialah suatu pernyataan hujah yang tampak logik pada zahirnya, namun ia palsu dan boleh mengelirukan tanpa diteliti dengan kritis. Makna asal bagi perkataan falasi ialah Fallo iaitu "saya menipu". Hujahan ini mudah direka dalam kalangan masyarakat tanpa mereka sedari akan kewujudannya sama ada dalam perbualan harian, perdebatan atau perbahasan mahupun penyebaran media berbentuk maklumat cetakan dan atas talian. Copi, Cohen dan McMahan (2014) dalam *Introduction to Logic*, menyatakan "any error in reasoning is a **fallacy** and any mistaken idea or false belief may sometimes be labeled **fallacious**." Sebagaimana Copi, Cohen dan McMahan, Bradley Dowden (1995) dalam *Internet Encyclopedia of Philosophy* juga mentakrifkan falasi sebagai "A fallacy is a kind of error in reasoning", yang membawa maksud falasi ialah sejenis kesilapan dalam penaakulan. Falasi boleh berlaku dalam pelbagai bentuk dan konteks, dan ia dibahagikan kepada dua kategori utama, iaitu falasi formal dan falasi tidak formal. Falasi formal melibatkan kesilapan dalam struktur logik sesuatu hujah, contohnya kesalahan dalam susunan premis dan kesimpulan. Manakala falasi tidak formal pula berkaitan dengan kandungan hujah, emosi yang digunakan, gaya bahasa atau andaian yang tidak wajar.

Menurut Ashaari dan Sabri (2018) pula, istilah falasi atau *fallacy* adalah istilah paling umum untuk mengkritik sesuatu pernyataan yang mempunyai kecenderungan yang tidak dapat diterima bagi menghasilkan kepercayaan palsu atau tidak berasas. Dalam hal ini, falasi digunakan bukan hanya untuk tujuan ideologi, tetapi juga untuk pengaruh emosi dalam penyebaran mesej dalam talian.

Kepentingan dalam memahami falasi ini dapat membawa pemikiran seseorang menjadi lebih kritis, mampu menganalisis suatu hujah, pendapat dan penjelasan berdasarkan fakta yang sah dan logik. Keupayaan seseorang mengenalpasti falasi dalam platform media sosial dapat meningkatkan kemahiran berfikir dan mengelakkan hujahan yang berunsur sesat, palsu dan manipulasi. Hruschka dan Appel (2023) mengulas berkenaan falasi dalam *Learning About Informal Fallacies and Detection of Fake News* bahawa individu yang diberi pendedahan terhadap falasi lebih mampu mengenalpasti kelemahan hujah dan membuat penilaian secara rasional terhadap maklumat yang diterima khususnya dalam isu-isu semasa yang bersifat sensitif atau kontroversi. Mempelajari tentang falasi menjadi keperluan supaya masyarakat celik maklumat mampu membezakan maklumat palsu sebelum menekan butang perkongsian di media sosial dengan lebih berhati-hati sama ada ia berbentuk maklumat atau pengucapan. Dalam erti kata lain, pemahaman terhadap falasi membantu individu dalam membuat keputusan yang lebih bijak, berdasarkan fakta yang sahih dan bukti yang kukuh, bukan semata-mata emosi atau andaian kosong.

Selain itu, pengetahuan tentang falasi mampu melindungi seseorang daripada terpedaya dengan tipu daya, retorik palsu atau propaganda yang disusun secara manipulatif. Ini penting terutama dalam dunia media sosial, politik, dan pengiklanan di mana pelbagai pihak cuba mempengaruhi pemikiran orang ramai menggunakan teknik penghujahan yang menyeleweng. Cassiano Terra Rodrigues (2020) dalam *Informal Fallacies* menegaskan bahawa pemahaman terhadap falasi dapat membantu individu "*to avoid falling foul of them*", iaitu mengelakkan diri daripada tertipu atau menggunakan hujah yang salah tanpa disedari.

Kepentingan memahami falasi juga dapat dilihat dalam konteks perdebatan atau diskusi. Seseorang yang arif tentang falasi akan lebih berhati-hati dalam menyampaikan pendapat agar tidak menggunakan logik yang cacat. Mereka juga lebih cekap dalam mengenal pasti kesalahan lawan hujah dan mampu membalas dengan hujah yang lebih berasas serta meyakinkan. Ini menjadikan komunikasi lebih matang, rasional dan bermanfaat.

Kesan falasi terhadap individu dan masyarakat sangat serius dan tidak boleh dipandang remeh. Pada peringkat individu, mereka yang terpengaruh dengan falasi boleh mudah mempercayai teori konspirasi, kepercayaan karut, serta maklumat palsu. Ini boleh membawa kepada pengambilan keputusan yang tidak bijak atau membahayakan diri sendiri dan orang lain. Pada peringkat masyarakat pula, penggunaan falasi dalam isu-isu besar seperti agama, media, dan politik boleh

membawa kepada kebencian, perpecahan, serta kerosakan hubungan sosial. Ia menimbulkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat, memecahbelahkan perpaduan, dan mengganggu kelancaran komunikasi serta kefahaman bersama.

Justeru itu, kertas kerja ini akan ditulis berasaskan kepada tiga objektif iaitu, mengenal pasti ciri-ciri falasi Ad Hominem, menganalisis kandungan media sosial yang mengandungi unsur falasi Ad Hominem, dan menjelaskan kesan falasi Ad Hominem terhadap perpaduan, di samping mencadangkan cara mengatasinya.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kualitatif iaitu kajian kepustakaan. Kajian kepustakaan diperlukan bagi mendapatkan maklumat semasa dan pemahaman yang jelas berhubung permasalahan yang dikaji iaitu falasi Ad Hominem. Bagi membentuk landasan konsep, di samping menyelami fenomena, informasi dan isu semasa berkaitan kajian ini, maka rujukan dibuat terhadap bahan-bahan atau penulisan yang berkaitan sama ada secara langsung atau tidak langsung. Antara bahan yang dirujuk ialah buku, jurnal, media sosial, laman sesawang serta bahan bacaan yang berkaitan. Kajian kepustakaan dibuat bagi memenuhi kesemua objektif kajian iaitu mengenal pasti ciri-ciri falasi Ad Hominem, menganalisis kandungan media sosial yang mengandungi unsur falasi Ad Hominem, dan menjelaskan kesan falasi Ad Hominem terhadap perpaduan, di samping mencadangkan cara mengatasinya.

Data pula dianalisis secara deskriptif interpretif. Data kepustakaan yang diperolehi dianalisis secara deskriptif dan analitikal bagi menjelaskan ciri-ciri falasi Ad Hominem. Pengkaji turut menggunakan alat penyelidikan AI iaitu NotebookLM dalam membantu menganalisis data kepustakaan. Manakala kandungan media sosial yang mengandungi unsur falasi Ad Hominem dianalisis secara analitikal dan normatif.

DAPATAN KAJIAN

Dalam kehidupan seharian, manusia tidak dapat lari daripada berkomunikasi, berhujah dan berbincang bagi menyuarakan pendapat serta mempertahankan sesuatu pandangan. Sama ada di tempat kerja, institusi pendidikan, media sosial mahupun dalam perbualan santai, hujah dan pendapat merupakan sebahagian daripada interaksi harian. Namun begitu, tidak semua perkara yang diungkapkan memiliki ketepatan yang mutlak atau berdasarkan pemikiran yang benar-benar rasional. Secara tidak langsung, manusia sering kali terjebak dalam kesalahan berfikir tanpa disedari. Kesalahan dalam cara berfikir ini dikenali sebagai falasi. Salah satunya ialah Ad Hominem.

Menurut Walton (2008), Ad hominem ialah falasi di mana seseorang “menyerang pembawa hujah, bukan hujah itu sendiri”, manakala Bowell & Kemp (2010) menegaskan bahawa falasi ini sering menjejaskan budaya dialog kritikal kerana

ia mengalihkan fokus perbincangan kepada perkara yang tidak relevan. *Ad Hominem* (atau *argumentum ad hominem*) adalah kesilapan dalam penaakulan yang sering berlaku dalam wacana awam, terutamanya apabila isu yang dibincangkan bersifat sensitif atau berkaitan dengan agama dan politik. Dalam hal ini, individu tersebut cuba menjatuhkan kredibiliti lawan agar hujah lawan kelihatan tidak sah tanpa mengemukakan sanggahan yang sahih terhadap isi hujahnya (Mostafa et al., n.d.). Mokhtar, Aziz, Selvadurai, Kasim dan Kamarudin (t.t.) turut menjelaskan falasi *Ad Hominem* sering berlaku di media sosial apabila individu menolak pandangan tidak berdasarkan hujah, tetapi secara peribadi menyerang penyampai. Ini menunjukkan penyimpangan daripada prinsip-prinsip dan dalam masa yang sama melemahkan tradisi perdebatan rasional. Dalam konteks masyarakat Malaysia, falasi *ad hominem* sering digunakan untuk menjatuhkan kredibiliti individu yang berbeza pandangan, khususnya jika individu tersebut dilihat sebagai mencabar status quo atau pendapat majoriti.

Mostafa, Azmi, Sivapalan, Arena & Russli (t.t.) pula mengatakan Falasi *Ad Hominem* (*argumentum ad hominem*) juga dikenali sebagai serangan peribadi (*personal attack*), mengejek (*name calling*), falasi menghina (*abusive fallacy*) atau mencela penghujah (*damning the source*) yang berlaku apabila seseorang menyerang penghujah atau pendebat, bukan hujah atau argumen yang diberikan olehnya.


Jenis Falasi *Ad Hominem*

Terdapat beberapa jenis utama falasi *ad hominem* yang sering ditemui iaitu:

- I. *Ad Hominem Abusive*: Serangan langsung terhadap watak atau moral individu. Contohnya, menolak hujah seseorang hanya kerana mereka dianggap tidak jujur atau tidak bermoral (Munro, 2025). Jenis ini sering kali digunakan apabila seseorang kehabisan hujah rasional dan beralih kepada serangan peribadi.
- II. *Ad Hominem Circumstantial*: Melibatkan penolakan hujah berdasarkan keadaan atau kepentingan peribadi individu. Sebagai contoh, menyatakan bahawa seseorang hanya menyokong polisi tertentu kerana mereka akan mendapat manfaat daripadanya. Walaupun individu tersebut mungkin mempunyai kepentingan peribadi, hujah mereka perlu dinilai berdasarkan meritnya, bukan berdasarkan keadaan peribadi mereka (Munro, 2025).
- III. *Ad Hominem Tu Quoque*: Bermaksud "anda juga", berlaku apabila seseorang menolak hujah lawan dengan menunjukkan bahawa lawan tidak mengamalkan apa yang mereka hujahkan. Contohnya, menolak kritikan terhadap merokok dengan mengatakan bahawa pihak yang mengkritik juga

merokok. Walaupun tuduhan hipokripsi mungkin benar, ia tidak membatalkan hujah yang dikemukakan (Munro, 2025).

- IV. *Poisoning the Well*: Serangan terhadap kredibiliti individu sebelum mereka mengemukakan hujah, dengan tujuan menjejaskan penerimaan hujah tersebut. Contohnya, menyatakan bahawa seseorang tidak boleh dipercayai kerana mereka pernah membuat kesilapan di masa lalu. Serangan awal ini bertujuan untuk merosakkan imej individu tersebut sebelum mereka berpeluang untuk berhujah (Mokhtar et al., n.d.).
- V. *Guilt by Association*: Melibatkan penolakan hujah seseorang dengan mengaitkan individu tersebut dengan kumpulan atau individu lain yang dianggap negatif. Hujah mereka perlu dinilai berdasarkan meritnya, bukan kaitan mereka dengan pihak lain. Contohnya, menolak pandangan seorang professor mengenai pendidikan hanya kerana mereka pernah bekerja dengan individu yang kontroversial. Walaupun individu tersebut mungkin mempunyai kaitan dengan pihak lain yang negatif, hujah mereka perlu dinilai berdasarkan meritnya, bukan berdasarkan siapa mereka dikaitkan (Mokhtar et al., n.d.).
- VI. **Falasi Ad Hominem Tersirat (Implied Ad Hominem)**: Satu bentuk serangan peribadi yang tidak dinyatakan secara langsung, tetapi tersirat atau diselit secara halus dalam hujah. Ia bertujuan melemahkan hujah dengan memburukkan watak, niat, atau kelayakan individu, bukan menilai kandungan hujahnya.



Rajah 1: Jenis-jenis Falasi Ad Hominem

Konteks Dan Contoh Ad Hominem Dalam Masyarakat

Falasi *ad hominem* sering berlaku dalam perbincangan awam di Malaysia, khususnya apabila isu yang dibincangkan bersifat sensitif seperti agama, kaum, atau politik. Antara contoh yang dapat dilihat adalah sebagaimana berikut:

- I. **Isu Pensyarah dan Pelajar B40:** Satu insiden tular melibatkan seorang pensyarah yang memarahi seorang pelajar B40 kerana tidak memiliki komputer untuk pembelajaran. Beliau bertanya mengenai ibu bapa pelajar itu, di mana pelajar tersebut menjawab bapanya tidak bekerja dan ibunya sudah tiada. Pensyarah itu juga mengeluarkan kenyataan seperti “Pasal itu aku tak boleh duduk dengan orang B40. Dia lebih memikirkan pasal lain daripada pelajaran” (Malaysiakini, 2022). Walaupun niat pensyarah mungkin untuk menekankan keperluan komputer sebagai alat asas pembelajaran di peringkat IPT, ramai netizen bertindak menyerang peribadi pensyarah tersebut. Serangan ini mengecam beliau sebagai sombong atau tidak berperikemanusiaan, bukannya memahami konteks sebenar atau membincangkan isu akses pendidikan. Ini merupakan contoh jelas falasi *ad hominem* jenis *abusive*, *poisoning the well*, dan *guilt by association*. Netizen yang terus menyerang pensyarah itu berkemungkinan membuat penilaian berdasarkan klip pendek atau petikan tanpa memahami konteks penuh kenyataan beliau. Ini adalah sikap tidak berhemah dan tidak adil kerana emosi

seorang pensyarah seperti kemarahan tidak semestinya bermaksud kebencian, sebaliknya boleh menjadi luahan keprihatinan. Banyak serangan netizen lebih tertumpu kepada peribadi pensyarah, yang melabelkan beliau sombong, tidak berperikemanusiaan, atau tidak memahami realiti pelajar. Namun, pensyarah tersebut sebenarnya menegaskan satu realiti penting dalam dunia pengajian tinggi, iaitu pelajar memerlukan komputer untuk menyiapkan kerja kursus dengan efektif. Keperluan terhadap kemudahan teknologi semakin mendesak dalam institusi pengajian tinggi kerana pelajar di IPT dikehendaki menyiapkan pelbagai tugas yang memerlukan penggunaan perisian asas seperti Microsoft Word, Excel, PowerPoint, dan Google Workspace (Kyle & Denise, 1994). Oleh itu, memiliki komputer atau laptop bukan lagi kemahuan tetapi keperluan asas untuk memastikan tugas dapat disiapkan secara efisien dan profesional (Nur Syarafina, Zainal Fitri & Ying-Leh Ling, 2020).

- II. Serangan Peribadi Terhadap Seorang peguam syarie:** Serangan Peribadi Terhadap seorang peguam syarie, menjadi tumpuan apabila beliau mempertikaikan aspek pelaksanaan undang-undang syariah di Malaysia. Perbincangan mengenai hujah dan rasionaliti beliau dengan cepat beralih kepada serangan peribadi. Beliau dilabel sebagai "liberal", "penyokong Sisters in Islam (SIS)", "tidak menutup aurat", dan "beragenda Barat". Serangan-serangan ini jelas merupakan falasi *ad hominem* kerana ia bertujuan menanam persepsi negatif terhadap watak dan reputasi beliau, bukan membidas isi hujah beliau. Antaranya, dalam salah sebuah akhbar online memaparkan kenyataan yang menyerang penampilan beliau dengan berkata : "Penampilan beliau yang sangat berbeza dari penampilan muslimah, menunjukkan bahawa dia seorang yang sangat jahil tentang Islam". Kenyataan ini merupakan serangan peribadi terhadap individu dan bukanlah terhadap hujah yang diperkatakan. Ini merupakan salah satu contoh falasi Ad Hominem, di mana kepercayaan atau pendapat seseorang ditolak berdasarkan ciri peribadi malah bukan pada asas logik atau fakta. Falasi ad hominem yang berlaku dalam kes ini boleh dikritik dari sudut rasional dan etika. Secara rasional, serangan tersebut gagal menyangkal hujah lawan – ia adalah logical fallacy kerana tiada pertalian logik antara sifat peribadi beliau dengan kesahihan hujahnya (Walton, 2008; Howell & Kemp, 2010). Malah, tindakan menyerang peribadi menunjukkan kelemahan hujah si penyerang sendiri: ia memberi isyarat bahawa penyerang ketandusan fakta atau poin yang relevan untuk dibahaskan, lalu terpaksa beralih menyerang individu (Curtis, n.d.). Dari perspektif etika dan profesionalisme, serangan ad hominem melanggar prinsip perbincangan beradab dan integriti akademik. Ia dianggap satu bentuk etika yang buruk dalam debat – memfokus kepada emosi dan prejudis, bukan kebenaran (Munro, 2025). Seperti dinyatakan oleh Encyclopaedia Britannica, serangan peribadi ad hominem

sering dilihat sebagai pelanggaran etiket perbahasan dan tidak membantu dalam mencapai resolusi yang bermakna (Munro, 2025).

- III. **Penghinaan Kursus Komunikasi:** Seorang pempengaruh di TikTok melabelkan jurusan Komunikasi Massa dan Teater sebagai jurusan yang "bodoh" atau tidak relevan untuk pasaran pekerjaan. Walaupun ini lebih kepada falasi stereotaip, ia juga mengandungi unsur *ad hominem* apabila ia menyerang individu atau kumpulan yang memilih jurusan tersebut, bukan kualiti atau isi kandungan bidang itu sendiri. Pengguna media sosial TikTok tersebut mengatakan hujahnya "budak kelas belakang masa SPM je ambik course masscom ni." Beliau menyerang peribadi pelajar yang mengambil kursus tersebut, bukannya mengulas kualiti atau isi kandungan bidang komunikasi. Hal ini dianggap sebagai falasi kerana menyentuh atau menyerang watak, niat dan latar belakang seseorang.

PERBINCANGAN

Falasi *ad hominem* merujuk kepada kesilapan ketika berhujah apabila seseorang menyerang penghujah tetapi bukan terhadap isi mahupun kebenaran di sebalik hujah tersebut malah terhadap individu itu sendiri. Ia merupakan salah satu falasi logik yang sering berlaku pada masa kini terutamanya dalam dunia media sosial. Terdapat juga situasi di mana falasi *ad hominem* ini berlaku apabila seseorang menolak pandangan penghujah hanya kerana latar belakang, masa silam dan rasa tidak puas hati terhadap penghujah tanpa mempedulikan isi dan kebenaran hujah tersebut. Falasi ini sering dianggap tidak logik dan tidak relevan dalam perdebatan yang rasional kerana ia mengalihkan perhatian daripada isu yang sebenar.

Selain itu, falasi *ad hominem* juga mudah digunakan dan memberi kesan yang mendalam dalam perdebatan yang memerlukan tindak balas yang cepat terhadap lawan. Integriti seseorang dapat dinilai melalui sikap yang ditunjukkan ketika merespon terhadap idea daripada pihak lain dengan bijaksana mahupun tidak.

Falasi Ad Hominem Dari Perspektif Islam

Tidak dinafikan, dalam dunia hari ini yang penuh dengan maklumat palsu dan fitnah yang tersebar ke merata tempat, salah satu cara untuk mengenalpasti kesahihan maklumat adalah dengan memerhatikan latar belakang orang yang menyampaikannya sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

"Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasiq membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya"

(Surah al-Hujurat, 49:6)

Manakala salah satu hadis dari Abu Hurairah, Nabi SAW ada bersabda yang bermaksud:

“Cukuplah seseorang itu dikira berdusta apabila dia menyampaikan segala apa yang didengarnya.”

(Hadis riwayat Muslim, no. 5)

Ayat Quran tersebut mengingatkan kita agar berhati-hati dengan maklumat yang disampaikan oleh orang yang fasik. Manakala, hadis tersebut pula mengingatkan umat Islam agar tidak terburu-buru mempercayai atau menyebarkan maklumat tanpa menilai isi dan kesahihannya terlebih dahulu.

Walau bagaimanapun, hal ini tidak bermakna kitab oleh menyerang peribadi seseorang atau menolak hujah seseorang yang fasik tanpa soal selidik. Sebaliknya, kita perlu berhati-hati dan menilai maklumat yang disampaikan bagi menentukan kesahihannya.

Menurut Mohammad Manzoor Malik (2019), dalam perspektif Islam, falasi Ad Hominem tidak diterima kerana menilai hujah berdasarkan siapa yang mengemukakannya, bukan berdasarkan kebenaran hujah itu sendiri. Menolak hujah individu berdasarkan latar belakang seseorang mengakibatkan kehilangan bakat dan pengalaman berharga yang boleh menyumbang kepada pembangunan Islam. Ianya juga tidak sah dari sudut logik dan bertentangan dengan ajaran Islam. Sebagai masyarakat yang berilmu, kita harus menilai hujah berdasarkan kebenaran dan kekuatan isi hujahnya, bukan berdasarkan siapa yang menyampaikannya.

Kesan Falasi Ad Hominem Dalam Masyarakat

Penyebaran falasi *ad hominem* membawa implikasi negatif yang serius terhadap masyarakat, antaranya ialah:

- I. **Melemahkan Kualiti Wacana dan Dialog Rasional:** Falasi *ad hominem* mengalihkan fokus perbincangan daripada fakta dan logik kepada serangan peribadi yang tidak relevan. Ini menjejaskan integriti perbincangan dan menghalang perkembangan budaya dialog berasaskan ilmu. Apabila hujah tidak dinilai berdasarkan meritnya, kebenaran sukar dicapai.
- II. **Mencetuskan Polarisasi dan Ketegangan Sosial:** Dengan menyerang peribadi individu atau kumpulan, falasi ini menyuburkan sentimen dan emosi negatif. Ini boleh menyebabkan perpecahan, ketidakpercayaan, dan ketegangan antara kelompok masyarakat, seperti yang dilihat dalam isu perkauman atau agama.

- III. **Membungkam Kebebasan Bersuara dan Pemikiran Kritis:** Individu yang berani menyuarakan pendapat kritis atau berbeza sering berhadapan dengan risiko serangan peribadi. Keadaan ini menimbulkan ketakutan untuk bersuara, seterusnya menyuburkan budaya "silencing" atau membungkam suara minoriti dan pemikir kritis, terutamanya dalam isu sensitif.
- IV. **Merosakkan Kredibiliti dan Kepercayaan Terhadap Institusi:** Apabila tokoh awam atau institusi diserang secara peribadi tanpa asas, ia boleh merosakkan kepercayaan awam terhadap mereka. Masyarakat cenderung terpengaruh dengan sentimen tanpa menilai fakta, sekaligus menjejaskan keupayaan mereka menilai isu secara rasional.
- V. **Menggalakkan Pemikiran Emosional:** Falasi *ad hominem* sering kali disusun untuk memanipulasi emosi pendengar atau pembaca, bukannya mendorong pemikiran kritis. Ini menyebabkan masyarakat bertindak balas secara terburu-buru dan tidak seimbang, yang boleh membawa kepada keputusan yang salah.


Menangani Falasi Ad Hominem

Untuk membina masyarakat yang lebih matang dan rasional, langkah-langkah proaktif perlu diambil bagi menangani falasi *ad hominem*. Antaranya ialah:

- I. **Mengembalikan Fokus kepada Isu Pokok:** Apabila berhadapan dengan serangan *ad hominem*, penting untuk mengembalikan perbincangan kepada hujah dan fakta sebenar. Penekanan harus diberikan kepada isi hujah, bukan ciri peribadi pembawa hujah. ...Untuk menangkis falasi ini, langkah pertama adalah untuk mengembalikan fokus kepada isu pokok. Dalam kes ini, hujah balas boleh dimulakan dengan menegaskan bahawa ciri peribadi pensyarah adalah tidak relevan; yang penting adalah fakta dan keperluan pelajar IPT terhadap komputer. Ini selari dengan saranan ahli logik untuk mengabaikan serangan personal dan terus menumpukan kepada isi hujah (Walton, 2008; Bowell & Kemp, 2010).
- II. **Mengemukakan Data dan Bukti Konkret:** Menyokong hujah dengan data empirikal, statistik, atau prinsip yang sah dapat mengalihkan semula perbincangan kepada landasan rasional dan memaksa pihak lawan menjawab isu sebenar. Kedua, adalah penting untuk menegaskan nilai amanah dan

integriti dalam wacana: penilaian terhadap hujah mesti berasaskan kandungan dan kebenarannya, bukan pada siapa yang mengutarakannya (Munro, 2025; Curtis, n.d.). Dalam tradisi keilmuan, adil dalam berhujah menuntut kita menilai idea tanpa berat sebelah peribadi. Tindakan yang lebih beretika dan produktif adalah menjawab hujah dengan hujah – kritikan yang bernas, bukannya cacian – serta menghormati maruah individu lawan walaupun berbeza pandangan (Bowell & Kemp, 2010).

- III. **Menegakkan Prinsip Integriti dan Etika Berhujah:** Penilaian terhadap hujah mesti berasaskan kandungan dan kebenarannya, bukan pada siapa yang mengutarakannya. Dalam tradisi keilmuan Islam dan akademik, keadilan dalam berhujah menuntut penilaian idea tanpa berat sebelah peribadi. Kritikan harus bersifat bernas, bukannya cacian.
- IV. **Pendidikan Pemikiran Kritis dan Literasi Media:** Pendidikan tentang falasi perlu diterapkan sejak di peringkat sekolah. Ini akan membantu individu mengenal pasti hujah yang lemah dan membina hujah yang lebih kukuh. Literasi media juga penting agar masyarakat dapat menilai sumber maklumat dengan kritikal.
- V. **Mempertingkatkan Etika Komunikasi dalam Media Sosial:** Masyarakat perlu mengamalkan sikap berhati-hati dan menyemak fakta sebelum berkongsi maklumat. Dialog terbuka dan empati perlu digalakkan, menekankan nilai hormat terhadap perbezaan pandangan.
- VI. **Peranan Pihak Berautoriti dan Penguatkuasaan Undang-undang:** Ahli akademik dan pakar perlu memainkan peranan aktif dalam memberi pencerahan objektif kepada masyarakat. Undang-undang berkaitan fitnah atau hasutan juga perlu dikuatkuasakan secara adil terhadap kenyataan yang bersifat menyerang peribadi secara keterlaluan dan boleh menggugat keharmonian awam.



Rajah 2: Langkah Menangani Falasi Ad Hominem

KESIMPULAN

Falasi *ad hominem* merupakan kesilapan logik yang serius, di mana serangan peribadi digunakan untuk melemahkan hujah tanpa membidas isi kandungan sebenar. Ia sering disalahgunakan dalam wacana awam, terutamanya di media sosial, untuk memanipulasi emosi dan menjejaskan kredibiliti individu atau kumpulan. Kesan negatifnya adalah; ia melemahkan dialog rasional, mencetuskan polarisasi sosial, membungkam suara kritis, dan merosakkan kepercayaan. Oleh itu, kesedaran terhadap falasi ini, di samping pembudayaan pemikiran kritis, etika komunikasi yang baik, dan sokongan daripada institusi berautoriti, adalah penting untuk membina masyarakat yang lebih rasional, adil, dan harmoni. Dengan menjauhi serangan peribadi dan menumpukan kepada hujah berlandaskan fakta, kita dapat memperkukuh perpaduan dan memupuk budaya perbincangan yang lebih matang.

RUJUKAN

- Ashaari, M. F., & Sabri, S. H. (2018). Perbincangan berkaitan agama dan ketuhanan dalam Facebook "Warung Atheist" dari perspektif logik dan emosi. *'Abqari Journal*, 15(1), 65–79.
- B40. *Malaysiakini*. <https://m.malaysiakini.com/news/616337>
- Bowell, T., & Kemp, G. (2010). *Critical thinking: A concise guide* (2nd ed.). Routledge.
- Curtis, G. N. (t.t.). *Argumentum ad hominem. The Fallacy Files*. <https://www.fallacyfiles.org/adhomine.html>
- Dowden, B. (1995). *Fallacies*. Retrieved from Internet Encyclopaedia of Philosophy: <https://iep.utm.edu/fallacy/>
- Hruschka, T. M. J., & Appel, M. (2023). Learning about informal fallacies and the detection of fake news: An experimental intervention. Europe PMC. <https://europepmc.org/article/PMC/PMC10057814>

- Irving M. Copi, Carl Cohen, Kenneth McMahon (2014). *Introduction to Logic*. Pearson New International Edition. <http://www.uop.edu.pk/ocontents/Book-Introductiontologic.pdf>
- Malik Mohammad Manzoor. 2019. Islamic Critical Evaluation and Perspective on Fallacy of Argumentum ad Hominem. *Pakistan Journal of Humanities and Social Science* 7(1): 63-75.
- Mokhtar, M. K., Aziz, A., Selvadurai, S., Kasim, A. C., & Kamarudin, R., (t.t). Pengantar Falsafah. <https://www.scribd.com/document/334310186/Buku-Pengantar-Falsafah>
- Munro, A. (2025). *Ad hominem*. Encyclopaedia Britannica. <https://www.britannica.com/topic/ad-hominem>
- Nur Syarafina Abdul Rahman, Zainal Fitri Mohd Zolkifli & Ying-Leh Ling (2020). Kepentingan Kemudahan Teknologi dan Motivasi Membentuk Kesedaran Pelajar dalam Pembelajaran Digital. National Research Innovation Conference (NRICon 2020), Kuching, Sarawak. https://www.researchgate.net/publication/344781009_Kepentingan_Kemudahan_Teknologi_dan_Motivasi_Membentuk_Kesedaran_Pelajar_dalam_Pembelajaran_Digital
- Rodrigues, C. T. (2021). *Introduction to Philosophy: Logic*. Retrieved from Rebus Community: <https://press.rebus.community/intro-to-phil-logic/chapter/chapter-4-informal-fallacies/>
- Walton, D. (2008). *Ad hominem arguments*. University of Alabama Press.